

01 JAN 2002

Kadir-Televisyen/I

STESEN TELEVISYEN SATELIT ISLAM LANGKAH BIJAK, KATA KADIR

Oleh: Shakir Husain

DUBAI, 1 Jan (Bernama) -- Keputusan oleh Menteri-menteri Kebudayaan dari negara-negara Islam untuk melancarkan sebuah saluran televisyen satelit merupakan langkah penting dalam menangkis propaganda negatif terhadap dunia Islam, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

"Kami ghairah dengan saluran televisyen yang dicadangkan itu. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bercakap mengenainya sejak lama dahulu. Kini ia nampak macam satu inisiatif serius dan isu itu sedang diusahakan oleh persidangan Menteri-menteri Kebudayaan," kata beliau kepada Bernama di sini, pada Isnin.

"Ia satu langkah besar dan Malaysia akan menghulurkan sokongan penuh dalam mewujudkan saluran itu," kata beliau.

Idea saluran itu diluluskan sebulat suara oleh Menteri-menteri Kebudayaan negara-negara Islam di mesyuarat mereka di Doha, ibu negara Qatar pada Ahad.

Persidangan itu menyeru semua negara Islam "untuk melakukan apa sahaja yang mungkin untuk memperbetulkan imej Islam yang ditampilkan oleh media Barat," kata Abdul Kadir, yang menghadiri mesyuarat Doha itu.

Ditanya bila saluran itu akan dilancarkan, Abdul Kadir berkata Menteri-menteri itu bersetuju untuk mewujudkannya "secepat mungkin."

Beliau memuji usaha yang diambil oleh kerajaan Qatar pimpinan Emir Sheikh Hamad Bin Khalifa Al Thani dalam mengumpulkan sumber kewangan bagi saluran itu.

"Oleh kerana kerajaan Qatar telah mengambil inisiatif utama dan stesen itu akan ditempatkan di Doha, saya rasa saluran itu akan beroperasi tidak lama lagi.

"Kita menghargai usaha Qatar menguruskan isu pembiayaan stesen itu," katanya.

Saluran itu akan menyiarkan rancangan-rancangan dalam beberapa bahasa termasuk Inggeris, Perancis, Sepanyol dan Arab.

-- BERNAMA

SH MFJ PR